



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERIPADUKABAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 64  
No. 9

**28hb April 2020**

*TAMBAHAN No. 48*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 126.**

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
(INSTITUSI PENGURUSAN DANA) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 71 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Institusi Pengurusan Dana) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2020 sehingga 30 April 2021.

**Pindaan Jadual**

2. Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Institusi Pengurusan Dana) 2016 [P.U. (A) 381/2016] dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL

[Peraturan 4]

Fi

1. Fi perkhidmatan

Institusi pengurusan dana hendaklah membayar fi perkhidmatan kepada Lembaga seperti yang berikut:

(a) Berkenaan dengan ahli Kumpulan Wang yang belum mencapai umur lima puluh lima tahun dan membuat suatu transaksi sama ada secara manual atau elektronik—

(i) 0.0625 peratus setahun;

(ii) Fi perkhidmatan dikira secara bulanan berdasarkan formula pengiraan seperti yang berikut:

$$= \left[ \frac{\sum_{T=1}^n NAB_T}{n} \right] \times i$$

iaitu—

NAB = Nilai Aset Bersih harian dana ahli Kumpulan Wang yang belum mencapai umur lima puluh lima tahun yang diuruskan oleh institusi pengurusan dana berkenaan bagi bulan berkenaan

T = hari berniaga bagi bulan berkenaan

n = jumlah hari berniaga bagi bulan berkenaan

i =  $\left[ 0.0625\% \times \frac{1}{12} \right]$ , caj perkhidmatan bulanan.

(iii) Fi perkhidmatan adalah tertakluk kepada amaun minimum sebanyak satu ratus ringgit sebulan.

(b) Berkenaan dengan ahli Kumpulan Wang yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun dan membuat suatu transaksi secara elektronik—

(i) 0.125 peratus bagi setiap transaksi;

(ii) Fi perkhidmatan dikira secara bulanan berdasarkan formula pengiraan seperti yang berikut:

= Jumlah pengeluaran×0.125%

iaitu—

Jumlah pengeluaran = Jumlah amaun pengeluaran oleh ahli Kumpulan Wang yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun bagi pelaburan dengan institusi pengurusan dana berkenaan bagi bulan berkenaan

(iii) Fi perkhidmatan adalah tertakluk kepada amaun minimum sebanyak satu ratus ringgit sebulan.”.

Dibuat 24 April 2020

[MOF.SID(R) 700-1/2/30; PN(PU2)498/X]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

## EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

### EMPLOYEES PROVIDENT FUND (FUND MANAGEMENT INSTITUTION) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

In exercise of the powers conferred by section 71 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Minister, on the recommendation of the Board, makes the following regulations:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Employees Provident Fund (Fund Management Institution) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 May 2020 until 30 April 2021.

### Amendment of Schedule

2. The Employees Provident Fund (Fund Management Institution) Regulations 2016 [P.U. (A) 381/2016] are amended by substituting for the Schedule the following schedule:

“SCHEDULE

[Regulation 4]

Fees

1. Service fee

The fund management institution shall pay a service fee to the Board as follows:

(a) In respect of the member of the Fund who has not attained the age of fifty-five years and makes a transaction either manually or electronically—

(i) 0.0625 percent per year;

(ii) The service fee is calculated monthly based on the calculation formula as follows:

$$= \left[ \frac{\sum_{T=1}^n \text{NAB}_T}{n} \right] \times i$$

where—

NAV = Daily Net Asset Value of funds of the member of the Fund who has not attained the age fifty-five years which is managed by the relevant fund management institution for that month

T = business day of the relevant month

n = total business days for the relevant month

$i = \left[ 0.0625\% \times \frac{1}{12} \right]$ , monthly service fee.

(iii) The service fee is subject to the minimum amount of one hundred ringgit per month.

(b) In respect of the member of the Fund who has attained the age of fifty-five years and makes a transaction electronically—

(i) 0.125 percent for each transaction;

(ii) The service fee is calculated monthly based on the calculation formula as follows:

$$= \text{Total withdrawal} \times 0.125\%$$

where—

Total withdrawal = Total withdrawal amount by the member of the Fund who has attained the age of fifty-five years for investments with the relevant fund management institution for the relevant month

(iii) The service fee is subject to the minimum amount of one hundred ringgit per month.”.

Made 24 April 2020

[MOF.SID(R) 700-1/2/30; PN(PU2)498/X]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

**P.U. (A) 127.**

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA  
(KEPERLUAN PENDEDAHAN BAGI AKAUN AMANAH DAN AKAUN BERSAMA)  
(PINDAAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) dan 209(1) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

**Pindaan peraturan 4**

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama) 2012 [*P.U. (A) 418/2012*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 4—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun taksiran” perkataan “atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Walau apa pun subperaturan (2), seorang pemegang amanah yang gagal mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) mengikut tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan tidak tertakluk kepada subperaturan (2).”.

**Pindaan peraturan 5**

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Sebelum 31 Mac setiap tahun taksiran” perkataan “atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Walau apa pun subperaturan (3), suatu anggota penerima deposit yang gagal mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) mengikut tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan tidak tertakluk kepada subperaturan (3).”.

Dibuat 17 April 2020  
[PIDM/PN/6/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Pengerusi*  
*Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*

Diluluskan 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-2/2/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO’ SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011*]

---

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DISCLOSURE REQUIREMENTS FOR TRUST ACCOUNTS AND JOINT ACCOUNTS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsections 42(4) and 209(1) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Disclosure Requirements for Trust Accounts and Joint Accounts) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations shall have effect from the assessment year of 2020.

**Amendment of regulation 4**

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Disclosure Requirements for Trust Accounts and Joint Accounts) Regulations 2012 [*P.U. (A) 418/2012*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 4—

(a) in subregulation (1), by inserting after the words “On or before 31 March of every assessment year” the words “or any other date as specified by the Corporation”; and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Notwithstanding subregulation (2), a trustee who fails to comply with the requirements under subregulation (1) in accordance with the other date as specified by the Corporation shall not be subject to subregulation (2).”.

**Amendment of regulation 5**

3. Regulation 5 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by inserting after the words “Before 31 March of every assessment year” the words “or any other date as specified by the Corporation”; and

(b) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) Notwithstanding subregulation (3), a deposit-taking member who fails to comply with the requirements under subregulation (1) in accordance with the other date as specified by the Corporation shall not be subject to subregulation (3).”.

Made 17 April 2020  
[PIDM/PN/6/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Chairman*  
*Malaysia Deposit Insurance Corporation*

Approved 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-2/2/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]*

**P.U. (A) 128.**

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA  
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)  
(PINDAAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.



**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34/2011*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 3(1) dengan memasukkan selepas perkataan “setiap tahun taksiran” perkataan “atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

**Pindaan peraturan 5**

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “suatu tahun taksiran” perkataan “atau pada apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

**Pindaan peraturan 6**

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pada atau sebelum 15 Mei setiap tahun taksiran” dengan perkataan “dalam tempoh lima belas hari selepas tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat kuantitatif di bawah subperaturan 3(1)”.

**Pindaan peraturan 7**

5. Subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tahun taksiran itu” perkataan “atau dalam apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

**Pindaan Jadual**

6. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam susunan kepada perenggan 12, berhubung dengan “Taksiran Maklumat” dalam ruang (1), dengan memasukkan selepas perkataan “tahun taksiran” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau pada apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

Dibuat 17 April 2020  
[PIDM/PN/5/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Pengerusi*  
*Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*

---

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS  
IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 53 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations shall have effect from the assessment year of 2020.

**Amendment of regulation 3**

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) Regulations 2011 [*P.U. (A) 34/2011*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 3(1) by inserting after the words “each assessment year” the words “or any other date specified by the Corporation”.

**Amendment of regulation 5**

3. Regulation 5 of the principal Regulations is amended by inserting after the words “each assessment year” the words “or on any other date specified by the Corporation”.

**Amendment of regulation 6**

4. Regulation 6 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “on or before 15 May of each assessment year” the words “within a period of fifteen days from the last date the deposit-taking member is required to submit the quantitative information under subregulation 3(1)”.

**Amendment of regulation 7**

5. Subregulation 7(1) of the principal Regulations is amended by inserting after the words “that assessment year” the words “or within any other period specified by the Corporation”.

### Amendment of the Schedule

6. The Schedule to the principal Regulations is amended in the table in paragraph 12, in relation to the “Assessment of information” in column (1), by inserting after the words “assessment year” wherever appearing the words “or on any other date specified by the Corporation”.

Made 17 April 2020  
[PIDM/PN/5/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Chairman*  
*Malaysia Deposit Insurance Corporation*

### P.U. (A) 129.

#### AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

##### PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) dan seksyen 77 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

#### Pindaan peraturan 4

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012 [P.U. (A) 496/2012], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 4(1) dengan memasukkan selepas perkataan “tahun taksiran” perkataan “atau pada apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

**Pindaan peraturan 6**

3. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “suatu tahun taksiran” perkataan “atau pada apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

**Pindaan peraturan 7**

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pada atau sebelum 15 Mei setiap tahun taksiran” dengan perkataan “dalam tempoh lima belas hari selepas tarikh akhir anggota penanggung insurans itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat kuantitatif di bawah subperaturan 4(1)”.

**Pindaan peraturan 8**

5. Subperaturan 8(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tahun taksiran itu” perkataan “atau dalam apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

**Pindaan Jadual**

6. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam susunan dalam perenggan 14, berhubung dengan “Taksiran Maklumat” dalam ruang (1), dengan memasukkan selepas perkataan “tahun taksiran” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau pada apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Perbadanan”.

Dibuat 17 April 2020  
[PIDM/PN/4/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Pengerusi*  
*Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*

Diluluskan 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-1/2/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

---

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS  
IN RESPECT OF INSURER MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

In exercise of the powers conferred by paragraph 209(1)(a) and section 77 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Insurer Members) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations shall have effect from the assessment year of 2020.

**Amendment of regulation 4**

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Insurer Members) Regulations 2012 [P.U. (A) 496/2012], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 4(1) by inserting after the words “assessment year” the words “or on any other date specified by the Corporation”.

**Amendment of regulation 6**

3. Regulation 6 of the principal Regulations is amended by inserting after the words “each assessment year” the words “or on any other date specified by the Corporation”.

**Amendment of regulation 7**

4. Regulation 7 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “on or before 15 May of each assessment year” the words “within a period of fifteen days from the last date the insurer member is required to submit the quantitative information under subregulation 4(1)”.

**Amendment of regulation 8**

5. Subregulation 8(1) of the principal Regulations is amended by inserting after the words “that assessment year” the words “or within any other period specified by the Corporation”.

**Amendment of the Schedule**

6. The Schedule to the principal Regulations is amended in the table in paragraph 14, in relation to “Assessment of information” in column (1), by inserting after the words “assessment year” wherever appearing the words “or on any other date specified by the Corporation”.

Made 17 April 2020  
[PIDM/PN/4/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Chairman*  
*Malaysia Deposit Insurance Corporation*

Approved 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-1/2/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]*

**P.U. (A) 130.**

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PEMBAYARAN PREMIUM  
TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)  
(PEMBATALAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pembayaran Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pembatalan) 2020.**

**Pembatalan**

2. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pembayaran Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 30/2011*] dibatalkan.

Dibuat 17 April 2020  
[PIDM/PN/3/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Pengerusi*  
*Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*

Diluluskan 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-1/1/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]*

**MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011****MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (PAYMENT OF ANNUAL PREMIUM  
IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (REVOCATION) ORDER 2020**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 209(1)(a) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Payment of Annual Premium in Respect of Deposit-Taking Members) (Revocation) Order 2020**.

**Revocation**

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Payment of Annual Premium in Respect of Deposit-Taking Members) Order 2011 [*P.U. (A) 30/2011*] is revoked.

Made 17 April 2020  
[PIDM/PN/3/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Chairman*  
*Malaysia Deposit Insurance Corporation*

Approved 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-1/1/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]*

**P.U. (A) 131.**

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011**

**PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PEMBAYARAN PREMIUM  
TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS)  
(PEMBATALAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pembayaran Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) (Pembatalan) 2020.**



**Pembatalan**

2. Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pembayaran Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012 [*P.U. (A) 136/2012*] dibatalkan.

Dibuat 17 April 2020  
[PIDM/PN/2/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Pengerusi*  
*Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*

Diluluskan 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-1/1/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]*

**MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011****MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (PAYMENT OF ANNUAL PREMIUM  
IN RESPECT OF INSURER MEMBERS) (REVOCATION) ORDER 2020**

In exercise of the powers conferred by paragraph 209(1)(a) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Payment of Annual Premium in Respect of Insurer Members) (Revocation) Order 2020**.

**Revocation**

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Payment of Annual Premium in Respect of Insurer Members) Order 2012 [*P.U. (A) 136/2012*] is revoked.

Made 17 April 2020  
[PIDM/PN/2/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF  
*Chairman*  
*Malaysia Deposit Insurance Corporation*

Approved 24 April 2020  
[MOF.SID(S)700-1/1/25; PN(PU2)689/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]*

**P.U. (A) 132.**

**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT  
BERJANGKIT 1988**

**PERINTAH PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(PENGISYTIHARAN KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (PELANJUTAN KUAT KUASA)  
(No. 3) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 3) 2020.**

**Pelanjutan kuat kuasa**

2. Kuat kuasa Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [*P.U. (A) 87/2020*] yang telah dilanjutkan bagi tempoh mulai 15 April 2020 hingga 28 April 2020 melalui

Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 2) 2020 [P.U. (A) 116/2020] adalah dilanjutkan lagi bagi tempoh mulai 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020.

Dibuat 28 April 2020  
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Menteri Kesihatan*

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES  
ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (DECLARATION OF  
INFECTED LOCAL AREAS) (EXTENSION OF OPERATION)  
(No. 3) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 11 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) (Extension of Operation) (No. 3) Order 2020**.

**Extension of operation**

2. The operation of the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020 [P.U. (A) 87/2020] which had been extended for the period from 15 April 2020 to 28 April 2020 by the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) (Extension of Operation) (No. 2) Order 2020 [P.U. (A) 116/2020] is further extended for a period from 29 April 2020 to 12 May 2020.

Made 28 April 2020  
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Minister of Health*

**P.U. (A) 133.****AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT  
BERJANGKIT 1988****PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT  
BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)  
(No. 4) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 4) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kawasan tempatan jangkitan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan tempatan jangkitan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [*P. U. (A) 87/2020*];

“perkhidmatan perlu” ertinya perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan termasuklah apa-apa aktiviti dan proses dalam rantaian pembekalan perkhidmatan perlu itu.

**Kawalan pergerakan**

3. (1) Tiada seorang pun boleh bergerak dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain kecuali bagi maksud di bawah subperaturan (2).

(2) Tertakluk kepada peraturan 4, seseorang boleh bergerak dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk membeli makanan, ubat, penokok diet atau keperluan harian;
- (b) untuk membekalkan atau menghantar makanan, ubat, penokok diet atau keperluan harian;

- (c) untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan;
- (d) untuk membeli barang-barang atau memperoleh mana-mana perkhidmatan perlu, selain yang disebut dalam perenggan (a) dan (c), daripada mana-mana penyedia perkhidmatan perlu;
- (e) untuk melaksanakan apa-apa tugas rasmi; atau
- (f) untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan perlu atau melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan mana-mana perkhidmatan perlu.

(3) Subperaturan (2) tidak terpakai jika suatu arahan dibuat di bawah perenggan 11(3)(b) Akta.

#### **Syarat-syarat bagi pergerakan**

4. (1) Jika seseorang bergerak dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain—

- (a) untuk membeli makanan, ubat, penokok diet, keperluan harian atau apa-apa barang lain daripada mana-mana penyedia perkhidmatan perlu—
  - (i) pergerakannya hendaklah hanya ke suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya, atau ke suatu tempat yang paling hampir dengan kediamannya jika makanan, ubat, penokok diet, keperluan harian atau barang lain itu tidak terdapat di suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya; dan
  - (ii) dia boleh disertai seorang anggota keluarga yang tinggal serumah;
- (b) untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan—
  - (i) pergerakannya hendaklah hanya ke suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya, atau ke suatu tempat yang paling hampir dengan kediamannya jika perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan itu tidak terdapat di suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya; dan
  - (ii) dia boleh disertai mana-mana orang lain yang semunasabahnya perlu;
- (c) untuk melaksanakan apa-apa tugas rasmi, dia hendaklah mengemukakan surat kebenaran daripada majikannya jika dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa;

- (d) untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan perlu atau melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan mana-mana perkhidmatan perlu, dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa; atau
- (e) untuk memperoleh mana-mana perkhidmatan perlu selain yang disebut dalam perenggan 3(2)(c), dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

(2) Bagi maksud mengawal pergerakan orang yang membeli makanan, pemunya atau pengendali, atau orang yang bertanggungjawab bagi, suatu perniagaan menjual makanan hendaklah menjalankan perniagaan hanya secara pandu lalu, bawa pulang atau penghantaran tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

### **Pergerakan kerana sebab khas dan tertentu**

5. Jika, kerana sebab khas dan tertentu, seseorang perlu bergerak dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain, orang itu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan kediaman orang itu.

### **Kawalan perhimpunan**

6. (1) Tiada seorang pun boleh berhimpun atau terlibat dalam apa-apa perhimpunan di dalam mana-mana premis di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan sama ada bagi maksud keagamaan, sukan, rekreasi, sosial atau kebudayaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang boleh berhimpun atau terlibat dalam suatu perhimpunan bagi maksud upacara pengebumian dengan syarat orang yang hadir ke upacara itu hendaklah dalam bilangan yang minimum.

### **Pergerakan untuk menjalankan kerja ke atas infrastruktur**

7. (1) Walau apa pun peraturan 3, apa-apa pergerakan dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain boleh dibuat oleh mana-mana orang—

- (a) untuk menjalankan apa-apa kerja ke atas mana-mana infrastruktur yang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan perlu yang jika tidak dijalankan akan menjejaskan penyediaan perkhidmatan perlu itu; atau
- (b) untuk menjalankan apa-apa kerja ke atas mana-mana infrastruktur yang jika tidak dijalankan akan menjejaskan keselamatan dan kestabilan infrastruktur itu.

(2) Jika seseorang bergerak dari satu tempat ke suatu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain untuk menjalankan kerja yang disebut dalam subperaturan (1), dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

### **Kehendak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia**

8. Seseorang warganegara, pemastautin tetap Malaysia atau ekspatriat yang pulang dari luar negara hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia sebelum mendapatkan pelepasan imigresen di mana-mana pintu masuk dan hendaklah mematuhi apa-apa arahan seseorang pegawai diberi kuasa.

### **Permintaan maklumat**

9. Jika seseorang pegawai diberi kuasa meminta apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit daripada mana-mana orang atau kumpulan orang, orang atau kumpulan orang itu hendaklah mematuhi permintaan itu.

### **Arahan Ketua Pengarah**

10. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau kumpulan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan.

### **Kesalahan**

11. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau

sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan
- (b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
  - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan
  - (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

#### JADUAL

#### PERKHIDMATAN PERLU

[Peraturan 2]

1. Makanan
2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet
3. Air
4. Tenaga
5. Keselamatan dan pertahanan
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedung
7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo, dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
9. Komunikasi dan internet
10. Perbankan dan kewangan
11. E-dagang
12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir
13. Hotel dan penginapan



14. Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu
15. Logistik yang terhad kepada penyediaan perkhidmatan perlu

Dibuat 28 April 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Menteri Kesihatan*

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES  
ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN  
INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 4) REGULATIONS 2020

In exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 4) Regulations 2020**.

(2) These Regulations have effect for the period from 29 April 2020 to 12 May 2020.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“infected local area” means any area declared to be an infected local area under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020 [*P.U. (A) 87/2020*];

“essential services” means the services as specified in the Schedule and includes any activity and process in the supply chain of such essential services.

**Control of movement**

3. (1) No person shall move from one place to another place within any infected local area or from one infected local area to another infected local area except for the purposes under subregulation (2).

(2) Subject to regulation 4, a person may move from one place to another place within any infected local area or from one infected local area to another infected local area for the following purposes:

- (a) to purchase food, medicine, dietary supplement or daily necessities;
- (b) to supply or deliver food, medicine, dietary supplement or daily necessities;
- (c) to seek healthcare or medical services;
- (d) to purchase goods or procure any essential services, other than those referred to in paragraphs (a) and (c), from any provider of essential services;
- (e) to perform any official duty; or
- (f) to provide any essential services or perform any duty in relation to any essential services.

(3) Subregulation (2) shall not apply if a direction is made under paragraph 11(3)(b) of the Act.

#### **Conditions for movement**

4. (1) Where a person moves from one place to another place within any infected local area or from one infected local area to another infected local area—

- (a) to purchase food, medicine, dietary supplement, daily necessities or any other goods from any provider of essential services—
  - (i) his movement shall only be to a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence, or to a place nearest to his residence if such food, medicine, dietary supplement is or daily necessities or other goods are not available at a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence; and
  - (ii) he may be accompanied by one family member staying in the same house;
- (b) to seek healthcare or medical services—
  - (i) his movement shall only be to a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence, or to a place nearest to his residence if such healthcare or medical services are not available at a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence; and
  - (ii) he may be accompanied by any other person as may be reasonably necessary;

- (c) to perform any official duty, he shall produce an authorization letter from his employer if required by an authorized officer;
- (d) to provide any essential services or perform any duty in relation to any essential services, he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer; or
- (e) to procure any essential services other than those referred to in paragraph 3(2)(c), he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer.

(2) For the purpose of controlling the movement of persons purchasing food, the owner or operator of, or person responsible for, a business of selling food shall carry out business only by way of drive-through, take away or delivery subject to any direction as may be issued by the Director General.

#### **Movement due to special and particular reason**

5. Where, due to a special and particular reason, a person needs to move from one place to another place within any infected local area or from one infected local area to another infected local area, that person shall obtain prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to the residence of such person.

#### **Control of gathering**

6. (1) No person shall gather or be involved in any gathering in any premises within any infected local area whether for religious, sports, recreational, social or cultural purpose.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a person may gather or be involved in a gathering for the purposes of a funeral ceremony on the condition that the attendance to such ceremony shall be kept to the minimum.

#### **Movement to carry out works on infrastructure**

7. (1) Notwithstanding regulation 3, any movement from one place to another place within any infected local area or from one infected local area to another infected local area may be made by any person—

- (a) to carry out any works on any infrastructure related to any essential services which if not carried out would affect the provision of the essential services; or
- (b) to carry out any works on any infrastructure which if not carried out would affect the safety and the stability of the infrastructure.

(2) Where a person moves from one place to another place within any infected local area or from one infected local area to another infected local area to carry out the works referred to in subregulation (1), he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer.

#### **Requirement to undergo health examination upon arrival in Malaysia**

8. A citizen, a permanent resident of Malaysia or an expatriate returning from overseas shall undergo health examination upon arrival in Malaysia before proceeding for immigration clearance at any point of entry and shall comply with any direction of an authorized officer.

#### **Request for information**

9. Where an authorized officer requests for any information relating to the prevention and control of infectious disease from any person or body of persons, the person or body of persons shall comply with the request.

#### **Direction of Director General**

10. The Director General may issue any direction in any manner, whether generally or specifically, to any person or group of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious diseases within any infected local area.

#### **Offence**

11. (1) Any person who contravenes any provision of these Regulations or any direction of the Director General or an authorized officer commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) Where any person who commits an offence under these Regulations is a company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons, a person who at the time of the commission of the offence was a director, compliance officer, partner, manager, secretary or other similar officer of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was purporting to act in the capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was assisting in its management—

- (a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons; and

- (b) if the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence and shall be liable to the same punishment or penalty as an individual unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—
- (i) that the offence was committed without his knowledge; and
  - (ii) that the offence was committed without his consent or connivance and that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

SCHEDULE  
ESSENTIAL SERVICES  
[Regulation 2]

1. Food
2. Healthcare and medical including dietary supplement
3. Water
4. Energy
5. Security and defence
6. Solid waste and public cleansing management and sewerage
7. Transportation by land, water or air
8. Port, dock and airport services and undertakings, including stevedoring, lighterage, cargo handling, and pilotage, and storing or bulking of commodities
9. Communication and internet
10. Banking and finance
11. E-commerce
12. Production, refining, storage, supply and distribution of fuel and lubricants
13. Hotels and accommodations
14. Any services, works, industry and business as determined by the Minister after consultation with the authority regulating the services, works, industry and business
15. Logistics confined to the provision of essential services

Made 28 April 2020  
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Minister of Health*

**P.U. (A) 134.****AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT  
BERJANGKIT 1988**

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN-KESALAHAN) (PINDAAN) (No. 4) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompunan Kesalahan-Kesalahan) (Pindaan) (No. 4) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 29 April 2020.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompunan Kesalahan-Kesalahan) 1993 [*P.U. (A) 327/1993*] dipinda dalam Jadual Pertama dengan memasukkan selepas perenggan 6 perenggan yang berikut:

“7. Semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 4) 2020 [*P.U. (A) 133/2020*].”.

Dibuat 28 April 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Menteri Kesihatan*

**PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES  
ACT 1988**

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (COMPOUNDING OF  
OFFENCES) (AMENDMENT) (No. 4) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 31 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Compounding of Offences) (Amendment) (No. 4) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 29 April 2020.

### Amendment of First Schedule

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Compounding of Offences) Regulations 1993 [*P.U. (A) 327/1993*] are amended in the First Schedule by inserting after paragraph 6 the following paragraph:

“7. All offences under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 4) Regulations 2020 [*P.U. (A) 133/2020*].”.

Made 28 April 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Minister of Health*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
WJW015011 28-04-2020